

LACC kumpul dana untuk NKF

PRIHATIN dengan nasib golongan yang memerlukan, mahasiswa Fakulti Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini telah menganjurkan *Love Alive Charity Concert (LACC)* untuk mengutip dana bagi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) yang diadakan di Dewan Tunku Syed Putra (DTSP), USM Pulau Pinang baru-baru ini.

Pengarah Projek, Jacqueline Khoo berkata, LACC merupakan konsert amal yang diadakan bersempena dengan Bulan Buah Pinggang Sedunia.

"Kami menggunakan pelbagai cara untuk mempromosikan LACC supaya dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga buah pinggang. Melalui LACC, dana yang dikutip hasil daripada kutipan derma, pembelian tiket, barangan jualan dan sumbangan wang tunai secara langsung akan disalurkan kepada NKF," katanya.

Konsert itu telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor USM, Prof. Adnan Hussein.


Hadir sama, Presiden Kelab Rotary Pulau Pinang Francois Sigris; Wakil NKF, Goh Seng Chuan dan Presiden Kelab Rotaract Pulau Pinang, Lennard Chua Choon Jin

Program itu anjuran bersama Kelab Rotaract dan Jawatankuasa Program Adwave 2012.

Bagi menayakan konsert amal itu, ahli Adwave 2012 turun padang mempromosikan LACC melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan sejak Februari lalu.

Antaranya, kempen jelajah di pusat beli-belah dan pusat pengajian tinggi sekitar Pulau Pinang seperti Kolej KDU, Kolej Intil, Kolej Segi, Kolej Tunku Abdul Rahman serta sekitar kampus USM.

Selain itu, pelbagai aktiviti menarik dijalankan semasa kempen jelajah itu



LENNARD Chua Choon Jin menyerahkan cek RM30, 000 kepada Goh Seng Chuan sambil diperhatikan Adnan Hussein pada *Alive Charity Concert* di USM baru-baru ini.

seperti persembahan yang menampilkan bakat golongan muda dan permainan interaktif untuk menarik perhatian para pengunjung.

Jacqueline berkata, usaha itu untuk meningkatkan kesedaran umum berkenaan kepentingan buah pinggang sebagai salah satu organ utama.

"Kita menasarkan kutipan kira-kira RM100,000 menerusi jualan tiket konsert .

"Kita bukan menjual tiket konsert semata-mata, tetapi turut menganjurkan program kebajikan lain seperti mengedarkan risalah tentang penjagaan

kesihatan berkaitan buah pinggang serta peranan dalam membela kebajikan pesakit buah pinggang," katanya.

Pada konsert itu, penonton turut dihiburkan dengan persembahan terbaik kepada para penonton melalui persembahan daripada Amber Chia Academy, Zhao Jie Ying, Lau Han Jie, USM Jazz Band, Temple of Fine Arts, Catherine Soon, Renaldo, Shane Low dan Shabi.

Para penonton juga menyaksikan persembahan *Pride of Malaysia* yang melambangkan kepelbagaian budaya 1Malaysia.



PERSEMBAHAN *Love Alive Charity Concert (LACC)* yang diiringi orkestra USM.

Apa kata mereka

PROGRAM ini dapat meningkatkan kesedaran pelajar mengenai sikap prihatin terhadap golongan yang memerlukan terutamanya kepada pesakit buah pinggang."

- Nur Afiza Basharuuddin
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi



KAMI berusaha membantu Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan bagi mencari dana untuk mengisi tabung yayasan dengan mengadakan pelbagai program kebajikan di peringkat universiti."

- Nur Syafiq Razali
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi



KONSERT ini merupakan wadah tanggungjawab kami untuk mengumpul dana bagi meringankan beban pesakit-pesakit buah pinggang di negara ini."

- Sue Ann Tang
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi.

